

17/11/1998

Ramai pemimpin adakan perbincangan dua hala

KEBANYAKAN pemimpin Apec termasuk Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak bermula esok.

Gore, menggantikan Presiden Bill Clinton yang tidak dapat menghadiri mesyuarat itu, tiba dengan pesawat 'Air Force Two'.

Turut tiba hari ini ialah Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien dan Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz.

Pemimpin lain yang sudah berada di ibu negara untuk sidang kemuncak itu ialah Presiden China Jiang Zemin, Ketua Eksekutif Hong Kong, Tung Chee Hwa, Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung, Perdana Menteri Australia, John Howard, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley dan wakil dari Taipei Cina, Dr Chiang Pin-Kung.

Kebanyakan mereka mengadakan perbincangan dua hala hari ini termasuk bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Golden Palace of the Golden Horses, Sri Kembangan dekat sini.

Dr Mahathir mempunyai jadual ketat hari ini dengan memulakan pertemuan dua hala dengan Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung, diikuti perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Singapura Goh Chok Tong dan Dr Chiang Pin-Kung yang mewakili Presiden China Taipei Lee Ting Hui di sidang kemuncak itu nanti.

Mereka yang turut menemui Dr Mahathir ialah Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, Presiden Peru, Alberto Fujimori dan Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei.

Dr Mahathir adalah pengerusi sidang kemuncak Apec bagi kali keenam itu.

(END)